

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1975**

=====

TUGAS JAWATANKUASA TANAH DAERAH

Merujuk kepada Pekeliling Bil. 8/1974 Jawatankuasa Pemilih Tanah Daerah telah diubah namanya dan sekarang dikenal sebagai Jawatankuasa Tanah Daerah. Perkara-perkara yang hendak dirundingkan dengan Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

- (a) Permohonan tanah yang bertindih satu atau lebih.
- (b) Permohonan tanah untuk Lesen Tumpangan Sementara mengikut SI.P.U. bertarikh 13/2/1975.
- (c) Pemilihan peserta-peserta di dalam satu-satu rancangan tanah untuk pertanian, perumahan dan perusahaan.
- (d) Pemilihan penghuni-penghuni di dalam satu-satu rancangan perumahan.
- (e) Apa jua permohonan dimana komen daripada Jabatan-Jabatan yang berkenaan belum diterima selepas 2 bulan dirujukkan.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Daerah hendaklah diadakan dua minggu sekali. Surat ringkasan hendaklah disediakan dan peringatan mesyuarat dibuat. Butir-butir berkenaan permohonan diluluskan, ditolak, disokong dan ditangguhkan hendaklah dinyatakan di dalam peringatan mesyuarat. Butir-butir yang dikehendaki adalah :-

- (a) Nombor fail yang berkaitan.
- (b) Nama pemohon.
- (c) Kedudukan dan kelulusan Tanah.
- (d) Tujuan permohonan.

Salinan peringatan mesyuarat hendaklah dihantar untuk pengetahuan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Selangor dan pejabat ini.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.Sel. 1905 (5)

Kuala Lumpur
25hb. Februari 1975

*** PEKELILING DIBATALKAN DENGAN PEKELILING BIL.1/1984**